



2. No. 1

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

15 FEBRUARY, 1957

Ranchangan Tali Ayer Mulaut:

PESUROH JAYA TINGGI BERASA BANGGA MELIHAT KEMAJUAN2 YANG
DI-PEROLEHI

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei, Sir Anthony Foster Abell, berasa bangga melihat kemajuan2 yang di-perolehi di-Pusat Penchuba'an Menanam Padi Basah dengan Jent-
era di-Mulaut ketika beliau melawat ka-kawasan itu pada hari Ra-
bu, 6 February, 1957, dengan di-iringkan oleh British Resident
Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert.

Di-antara orang2 yang turut bersama mengiringi Tuan Pesu-
roh Jaya Tinggi itu ia-lah Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri, Mr.
E.R. Bevington; Pegawai Kanan Jabatan Sukat Mr. M. Hurley; Mr.R.
H. Morris; Penolong Pegawai Penempatan Semula; Inche' Ajamain
bin Abdul Razak; Pegawai Pertanian Negeri, Inche' Hamidoon bin
Awang Damit; Jurutera Tempatan Ranchangan Tali Ayer Mulaut, Mr.
H. Venkatasubban; Ketua Kampong Mulaut, Dato' Setiawan Haji
Tinggal dan lain2-nya.

Tuan Yang Terutama itu telah tiba di-Batu 7, Kilanas pada
pukul 9.00 pagi dan satelah melihat peta2 kawasan2 yang di-jal-
ankan Ranchangan Tali Ayer tersebut, beliau pun di-bawa melihat
parit2 yang sedang di-korek dengan jentera2 yang besar dan meli-
hat buroh2 Melayu yang sedang sibok menjalankan pekerja'an mere-
ka.

Dari Kilanas, Tuan Yang Terutama itu telah berangkat ka-
Mulaut dengan Motor Car dan berada di-sana selama satu jam sate-
ngah, dalam mana beliau telah berjalan di-kawasan bendang terse-
but menyaksikan berbagai2 perkara, sambil berso'al jawab dengan
Pegawai2 Keraja'an yang bersangkutan paut dalam Ranchangan Mulaut
itu.

Ini-lah kali yang kedua Tuan Pesuroh Jaya Tinggi bagi Neg-
eri Brunei melawat ka-kawasan Mulaut itu, manakala pada kali ya-
ng pertama beliau telah melawat ka-kawasan itu satahun dahulu
pada masa Ranchangan Mulaut itu baharu sahaja di-mulai.

Tuan Yang Terutama itu berasa bangga melihat kemajuan yang
di-perolehi di-Mulaut, sambil menegaskan bahawa Ranchangan Mula-
ut yang di-jalankan itu sa-umom-nya ada-lah satu pekerja'an yang
berfaedah terhadap Negeri ini.

Beliau berharap bahawa pada masa akan datang lebih ramai
lagi orang dapat bekerja di-kawasan sawah padi yang luas itu.

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Sir Anthony Foster
Abell telah menghadziri satu majlis jamuan yang khas di-beri ol-
eh D.Y.M.M. Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Dar-
ul-Hana pada malam hari Rabu, 6 February, dan berangkat balek ka
Kuching dengan Kapal Terbang Malayan Airways pada pagi hari Kha-
mis, 7 February, 1957.

5 ORANG JURURAWAT BRUNEI DI-PILEH UNTUK BERLATEH

DI-SARAWAK DAN MALAYA

Keraja'an Negeri Brunei telah memilih 5 orang Jururawat2 dari Rumah Sakit Bandar Brunei untuk memperolehi latehan khas di-Rumah2 Sakit di-Sarawak dan di-Persekutuan Tanah Melayu.

Empat orang di-antara Jururawat2 itu telah pun berangkat dari Brunei, manakala sa-orang lagi akan berangkat dari Negeri ini dalam masa pertengahan bulan ini. Mereka itu ada-lah seperti berikut:-

Mr. Lim Poh Seng telah berangkat ka-Kuala Lumpur, Malaya pada 16 haribulan January, 1957 untuk berlateh di-Institute of Medical Research di-sana sebagai sa-orang Laboratory Assistant selama 3 tahun.

Inche' Adinin bin Dato' Haji Ibrahim sa-orang Jururawat Gigi telah berangkat ka-Pulau Pinang pada 30 haribulan January, 1957 di-mana beliau akan berlateh di-Rumah Sakit Besar di-sana sebagai sa-orang Dental Technician selama 2 tahun.

Inche' Sulaiman bin Ahmad telah berangkat ka-Kuching, Sarawak pada 31 haribulan January, 1957 untuk berlateh sebagai Operating Theatre Assistant di-Rumah Sakit Besar di-Kuching selama satahun.

Mr. E.V. Dharan telah berangkat juga ka-Kuching, Sarawak pada hari tersebut untuk menerima latehan dalam Ilmu Jururawat selama satahun.

Sa-orang lagi Jururawat, Mr. Yong Hin Nan di-jangka akan berangkat ka-Kuala Lumpur, Malaya pada pertengahan bulan February ini untuk berlateh sebagai sa-orang X'ray Assistant selama 18 bulan.

Ada-lah di-fahamkan daripada Pejabat Perubatan Negeri bahawa Mr Stanley Cheong Fui Siong, sa-orang Inspector Kesihatan dalam latehan, telah pun berangkat ka-Kuala Lumpur, Malaya pada 21 haribulan January, 1957 untuk mendapat Tauliah dari Royal Institute of Health dan akan berada di-sana selama 9 bulan.

WAKIL2 PENGAKAP BRUNEI KA-PERKHEMAHAN PENGAKAP2 SA-DUNIA

DI-UNITED KINGDOM

Satu persetujuan untuk menghantarkan 2 orang Pengakap2 dari Bandar Brunei bagi menghadiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia yang akan di-langsungkan di-United Kingdom pada bulan August tahun ini telah di-luluskan dalam majlis Mashuarat Persekutuan Pengakap2 Tempatan, Daerah Brunei baharu2 ini.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Persekutuan Pengakap2 Daerah Kuala Belait akan menghantarkan beberapa orang Pengakap untuk menghadiri Perkhemahan itu. Kedua2 Persekutuan itu akan mengadakan mashuarat mereka tidak berapa lama lagi untuk menetapkan nama2 wakil2 dari Negeri ini ka-perkhemahan tersebut.

Perkhemahan itu akan di-adakan di-Daerah Sutton Coldfield, England kerana menyambut Ulang Tahun yang ka-100 tahun Persekutuan Pengakap2 Sutton Coldfield dan juga kerana menyambut hari jadi yang ka-100 Pengakap2 Sa-Dunia Mendiang Lord Baden Powell.

Menurut satu puncha yang rasmi, Kabawah Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II dan suami-nya Yang Teramat Mulia The Duke of Edinburgh ada-lah di-antara berpuluh2 ribu manusia yang akan melawat ka-temasha tersebut.

Kira2 34,000 Pengakap2 dari lebih daripada 80 Negeri2 telah pun bersetuju menerima jemputan menghadiri perkhemahan tersebut; manakala di-antara Negeri2 dari Benua Asia dan di-Lautan Pacific yang akan menghantarkan wakil2 Pengakap mereka ia-lah Brunei; Sarawak; Borneo Utara; Malaya; Thailand; Burma; India; Pakistan; Ceylon; Fiji; Philippines; Hongkong dan Japan.

D.Y.M.M. SEMBAHYANG JUMA'AT BERSAMA RAKYAT JELATA

Di-antara sap2 yang di-bawah ma'amum di-masjid Serasa, Jajahan
para, tawaduk menyembah Allah Subhanahu Wata'ala, di-imami oleh Imam A.
Ahman, pada hari Juma'at 1 haribulan February, 1957 kelihatan diri Duli
Yang Maha Mulia Sultan, sembahyang Juma'at menjadi ma'amum di-sana.

Setiap Juma'at Duli Yang Maha Mulia ada-lah kelihatan bersama2
rakyat-nya menjadi ma'amum di-salah sabuah masjid di-Bandar Brunei, sem-
bahyang tiang Ugama, ada-lah suruhan Allah Ta'ala yang ta'pernah di-lupa-
kan baginda. Amalan ta'at pada suruhan Allah Ta'ala itu bukan hanya di-
lakukan baginda sendiri tetapi putera2 baginda juga ada-lah di-lateh
menunaikan kewajipan menuntut ajaran Islam.

PENGAWAS PANCHARAGAM POLICE BRUNEI

Mr. R.E. House A.R.C.M., telah tiba di-Brunei dengan Kapal Terbang
Malayan Airways dari Singapura pada hari Thalatha 29 haribulan January,
1957 untuk berkhidmat sebagai Pengawas Pancharagam Police Brunei yang akan
di-tubuhkan sadikit hari lagi.

Beliau itu telah berkhidmat sebagai Ketua Pancharagam Pasokan
Police Singapura dari tahun 1950 hingga ka-tahun 1956 dan sabelom dari
tahun 1950 Mr. House telah berkhidmat sebagai Ketua Pancharagam Tentera
di-Gold Coast, Afrika Barat; di-Eropah dan di-United Kingdom.

Persidangan Pemuda2 Di-Hongkong:

4 ORANG DARI BRUNEI AKAN DI-PILEH MENGHADZIRI PERSIDANGAN ITU

Negeri Brunei akan menghantarkan 4 orang wakil2 untuk menghadziri
Persidangan Pemuda2 yang akan di-langsungkan di-Hongkong pada penghujung-
an bulan November dan awal December tahun ini.

Keputusan menghantarkan wakil2 dari Negeri ini ka-persidangan ter-
sebut telah di-luluskan dalam satu mashuarat wakil2 Pergerakan Pemuda Se-
luruh Brunei yang telah di-adakan di-Dewan Pejabat Penerangan di-Bandar
Brunei baharu2 ini, yang di-hadziri oleh: Sister Eggleston (dari British
Red Cross Society, Brunei Branch); Inche Ghani; Mrs. Fishenden (wakil da-
ri Brunei District (Local) Boy Scout Association); Che'gu Abdullah bin
Haji A. Bakar (dari Brunei Malay Teachers Association); dan Mr. Wally
Skinner (dari Brunei District (Local) Boy Scout Association) di-Pengurus-
ikan oleh Pegawai Penerangan Negeri, P.M. Yusuf A.R.

Pengurus majlis itu, yang juga telah menghadziri Persidangan
Pemuda2 Commonwealth di-Missenden Abbey, England sebagai wakil Tunggal
dari Negeri Brunei pada bulan July tahun yang lalu, telah menerangkan
dengan kemas tentang shur2 dan berbagai2 perkara mengenai persidangan itu
dalam mana beliau tegaskan bahawa selepas di-adakan Persidangan Pemuda
di-England itu, wajib-lah Daerah2 dalam lengkungan Commonwealth mengada-
kan Persidangan di-antara Pergerakan2 Pemuda dalam tiap2 buah Daerah unt-
ok merapatkan perpaduan mereka.

Salanjut-nya P.M. Yusuf menyatakan bahawa beliau telah menerima
sapuchok surat dari Pengurus Jawatan Kuasa Tadbir Persidangan Pemuda2,
di-Hongkong menjemput Negeri ini menghantarkan 4 orang wakil2, mengando-
ngi 3 orang wakil2 dari Pergerakan Pemuda dan sa-orang wakil Kerajaan
ka-Persidangan di-Hongkong itu.

Keraja'an Hongkong, kata-nya, telah bersedia hendak memberi tem-
pat tinggal dan makan dengan perchuma kapada wakil2 dari Negeri ini pada
masa mereka menghadziri Persidangan tersebut.

/Mashuarat itu telah

Mashuarat itu telah bersetuju bahawa Pemuda2 yang akan di-pilih mewakili Negeri ini ka-Persidangan itu hendak-lah bijak dalam bahasa Inggeris. Mereka hendak-lah berumur lebih daripada 17 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas mengenai hal ehwal Pergerakan Pemuda dalam Negeri ini.

Wakil2 tersebut telah mengemukakan beberapa banyak nama calon2 dan daripada bilangan itu hanya 4 orang sahaja akan di-pilih oleh Yang Berhormat Tuan British Resident.

Meninjau Ka-Tasek Merimbun:

RANCHANGAN BAHARU PERSEKUTUAN PENGEMBARA2 SOAS COLLEGE BERHASIL

Persekutuan Pengembara2 Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei telah menjalankan ranchangan-nya yang baharu pada awal bulan January tahun ini, iaitu mengembara ka-Tasek Merimbun, letak-nya di-kawasan Sungai Tutong dengan beroleh hasil yang baik setelah menjalankan penyedia'an2 samanjak beberapa bulan yang lalu dengan mendapat kerjasa daripehak Jabatan2 Pelajaran dan Sukat serta dengan bantuan oleh Ketua Merimbun bersama2 anak2 buah kampung-nya.

Ini-lah kali yang kedua Persekutuan itu menjalankan pengembara'annya di-kawasan2 jauh dari Bandar Brunei. Pada kali yang pertama Persekutuan itu telah mengembara di-kawasan2 Sungai Temburong pada awal tahun yang lalu.

Di-antara perkara2 yang di-jalankan oleh ahli2 Persekutuan tersebut dalam ranchangan-nya yang baharu itu ia-lah menyediakan peta2 da Tasek Merimbun ka-Sungai Tutong; mengutip benda2 yang mustahak di-lihat oleh orang2 ramai dan sebagainya-nya.

Rombongan yang pertama dari Persekutuan itu telah berangkat dari Sultan Omar Ali Saifuddin College pada pagi hari Thalatha 1 January, 1957 ka-Tutong melalui jalan raya. Dari Tutong mereka berangkat ka-tempat yang di-tuju dengan menggunakan beberapa buah Perahu2 Motor Sangkut yang di-perbuat oleh mereka sendiri, dan tiba di-tempat itu pada lewat petang tersebut.

Satelah tiba, ahli2 rombongan yang pertama menyediakan khemah serta lain2-nya; dan bersama2 rombongan yang kedua yang tiba pada ke-esokan hari mereka terus mara kahadapan menjalankan ranchangan mereka dan tiba di-Bandar Brunei pada masa yang telah di-jadualkan.

"Pengembara2" tersebut ada-lah mengandungi: Mr. L.A. Bradshaw (Pengetua Sultan Omar Ali Saifuddin College); Mr. R. Fishenden; Mr. M. McInnes; Mr. P. Adamson; Mr. Poh Soo Jin; Mr. Max Chen; Md. Ali Daud; Abdul Aziz Umar; Awangku Sharifuddin; Sarbini M. Taha; Jalil Marsal; Huain Daud; Awangku Hassan bin Pengiran Mohd. Yassin; Awangku Ahmad bin Pengiran Metali; Awangku Kamaluddin bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Awan ku Hamzad; dan Ja'afar Nordin.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Persekutuan Pengembara2 Sultan Omar Ali Saifuddin College itu akan menjalankan ranchangan-nya yang ketiga dengan mengembara ka-kawasan Batu Apoi, Temburong pada awal tahun hadapan kelak.

PENDAFTAR PERTUBOHAN2

Tuan British Resident telah melantek Mr. Denis Brian McGilligan sa-orang Peguam, menjadi Pendaftar Pertubohan2 di-Brunei mulai dari 22 January, 1957.

Pancharagam Police Brunei:

BANYAK JAWATAN2 YANG KOSONG UNTUK PEMUDA2 YANG BERKELAYAKAN

Pasokan Police Negeri Brunei sedang membuka peluang kepada para pemuda untuk berkhidmat dalam Pancharagam Police Negeri ini yang akan di-tubuhkan sadikit hari lagi.

Kita mengambil kesempatan menyeru kepada para pemuda yang chend-erong dalam hal ehwal bunyi2an supaya jangan-lah mereka lepaskan peluang yang sedang terbuka, jikalau mereka di-pilih untuk berkhidmat dalam Pancharagam Police Brunei itu.

Menurut sharat2 yang di-kehendaki, orang2 yang hendak meminta jawatan2 yang kosong itu hendak-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun, dan tingginya tidak kurang dari 5 kaki 2 inchi.

Mengenai pelajaran pula, orang2 yang membuat perminta'an itu hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV di-Sekolah Melayu.

Segala perminta'an hendak-lah di-alamatkan dengan seberapa segera kepada Director of Music, Brunei Police Band, Police Headquarters, Brunei Town, Brunei.

✓ LAWATAN PEGAWAI PENERANGAN KERAJA'AN AUSTRALIA KA-BRUNEI

Mr. Ian Hamilton, Pegawai Penerangan Kerajaan Australia untuk Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu telah melawat ka-Negeri Brunei sedikit hari dahulu dari Singapura.

Dari sini beliau telah berangkat ka-Borneo Utara dan kemudian ka-Kuching sebelum balek ka-Singapura.

Tujuan lawatan-nya ka-Negeri ini ia-lah untuk menemui Pegawai2 Kerajaan, ahli2 puak2 dalam Negeri ini. Selain daripada itu Mr. Hamilt juga telah dapat bertemu dengan kebanyakan daripada 47 orang2 Australia yang sedang berkhidmat di-Padang2 Minyak.

Beliau juga telah menghadziri Temasha menyambut Hari Kebangsaan Australia yang telah di-langsungkan di-rumah Mr. J. Cliff, Chief Roads Engineer pada malam 26 January, 1957.

✗ LAWATAN PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG DARI BRUNEI KA-BORNEO UTARA

Seramai 11 orang Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Penanam2 Padi dari beberapa buah Kampong di-Daerah Brunei telah di-pilih oleh Kerajaan Brunei untuk melawat ka-kawasan2 Penanaman Padi di-Papar, Borneo Utara baharu2 ini.

Rombongan itu, dengan di-Ketuai oleh Penolong2 Pegawai2 Pertanian Che Hussain bin Abdul Hamid, dari Kuala Belait dan Che Ahmad bin Bayan, dari Bandar Brunei telah berangkat ka-Jesselton dengan Kapal Kerajaan Brunei M.V. Sultan pada 28 January, 1957 dan balek ka-Brunei pada 2 February, 1957.

Menurut keterangan dari Pegawai Pertanian Negeri Brunei, Inche' Hamidoon bin Awang Damit, ada pun tujuan Kerajaan Brunei menghantarkan Peladang2 tersebut melawat ka-kawasan Penanaman Padi di-Papar itu ialah untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam hal ehwal menanam padi secara berjentera sebagai mana yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan di kawasan Mulaud.

/Peladang2 tersebut ...

Peladang2 tersebut ada-lah mengandongi:- Haji Saman bin Haji Tamin (Penghulu Sengkurong); Haji Metussin bin Omar (Penanam Padi di Sengkurong); Dato' Setiawan Haji Tinggal (Ketua Kampong Mulaut); Mohamed bin Mail (Ketua Kampong, Kampong Mata2, Gadong); Tupok bin Ahad (Penanam Padi Beribi); Haji Sidek bin Abdullah (Penghulu Kuala Lurah); Dato' Seri Paduka Tuan Haji Mangol (Penghulu Kilanas); Sharbini Mohamed Said (Penolong Field Officer, Brunei); Orang Kaya Kesuma Haji Tahir (Penghulu Lumapas); dan Haji Kahar bin Haji Sabtu (Penanam Padi dari Sengkurong).

LANTEKAN2 PEGAWAI2 YANG BAHARU

Mr. G.V.C. Young Assistant Attorney General Sarawak, telah di-lantek memangku Jawatan sebagai Penasihat Undang2 Negeri Brunei mulai dari 22 January, 1957.

Mulai dari tarikh tersebut juga, Kerajaan telah malantek Mr. Denis Brian McGilligan, sa-orang Peguam menjadi Pendaftar Sharikat2 Negeri Brunei.

Inche' Ali bin Awang Besar, Pegawai Pertadbiran Negeri Brunei, telah di-lantek menjadi Timbalan Penolong Pemungut Hasil2 Tanah Negeri Brunei baharu2 ini.

PEMBAHAGIAN ELECTRIC DI-TEMBURONG

Jurutera Electric Negeri Brunei, Mr. E. Rajaratnam telah berangkat ka-Bangar, Temburong pada hari Ithnin, 11 February, 1957 untuk menyempurnakan upacara pembuka'an rasmi pembahagian electric bagi kawasan itu.

Mulai daripada tarikh tersebut penduduk2 di-Bandar Bangar dapatlah menggunakan electric dari pukul 5 petang hingga pukul 11.00 malam pada tiap2 hari.

Pada masa ini Pejabat Electric ada-lah menyediakan dua, 22 Kilo-watt Generating Sets; satu daripada-nya di-gunakan sekarang ini dan satu lagi akan di-gunakan pada masa ke hadapan kelak.

Pembina'an Power Station di-Bangar telah di-mulai pada tahun yang lalu dan alat2 pemasangan-nya telah siap pada bulan January tahun ini.

Pada masa ini sajumlah kira2 50 buah rumah2 kedai dan Pejabat2 Kerajaan sedang menggunakan electric di-Bandar Bangar itu.

Sayugia di-sebutkan bahawa dengan ada-nya pembahagian electric di-Bandar Bangar, Temburong, maka segala Bandar2 dalam Negeri ini, kecuali Muara, sudahpun dapat menggunakan pembahagian electric di-tiap2 buah Bandar itu.

GERAKAN MENCHEGAH DEMAM MALARIA

Pejabat Perubatan Brunei telah mulai menjalankan pekerja'an menyebarkan Ubat mencheгах Malaria di-kawasan perumahan di-Daerah luar Bandar mulai daripada bulan January yang lalu.

Saterus-nya, pekerja'an itu akan di-jalankan di-serata Daerah Luar Bandar di-seluruh Brunei dan akan di-jangka akan dapat di-selesaikan dalam masa 7 atau 8 bulan.

Pekerja'an itu akan di-ulangi pada tiap2 tahun sahingga Malaria dapat di-hapuskan dari Negeri ini sebagaimana di-jalankan di-Negeri2 Sarawak dan Borneo Utara.

*****W*****

اوندغ آبهارو مجلس اگام دان عادت استعدادت نگري بروني دسمبوشن دري فليتا بروني بيلان 24

نقحه اورغ ۲ تشگوغن

انتوق فغتموان عوام ، اداله دغن اين دپتاکن بهوا فصل 33 درفد اوندغ ۲ جنايه تيدق اکن ترفاکي دد ا نگري بروني برثابيت دغن سگل تننوتن يڅ فربوات اوله شورغ اسلام کاءتس شورغ ايلام .
بهاگين اين هندقله دکناکن هان کفد کران نقفه يڅ د فربوات اوله اسلام کاءتس اسلام . بوللمه فرمفوان برنيکاح
مبوات فرمنتان کفد محکمه قاضي دان مندافتکن حکوم داءتس لاکين کران ممباير دري ساتو ماس کساتو ماس
ق اف ۲ جمله واغ برکنان دغن نفقه يڅ ترحق کفد فرمفوان ايت مڅيکوت کفد حکوم شرع .

مان ۲ فرمفوان يڅتله دچرايکن بوللمه دغن جالن ممبوات فرمنتان د محکمه قاضي مندافتکن مياتوفرنه
ءتس لاکين يڅ دهولو ايت ممباير دالم ماس عدهن جگ فرچراين ايت ساتو اتو دوا طلاق اتو دالم ماس
ندوغ دغن لاکين مڅيکوت حکوم شرع . شورغ فرمفوان يڅتله دچرايکن ايت تيدقله برحق کران منريما حکوم
نقحه مڅيکوت سباگيان يڅترکندوغ دالم اوندغ مجلس اگام دان عادت استعدادت نگري بروني .
اولهکران ايت بوللمه اي موهند محکمه قاضي بسر ، دان جگ محکمه ايت برفواسماتي بهوا اداله فاتو
ان بنو ممبوات سد مکين مڅيکوت کفد کاءدان فرکارا ايت بوللمه ممبوي فرنه کاءتس سوامي يڅ دهولو ايت سفا
باير . بلنجا نقفه مڅيکوت ماس يڅ . دفيکرکن افتوت اوله محکمه دغن شرطه .
بهوا فرنه ايت تيدق اکن مڅهند فکي سوامي يڅ دهولو ايت ممباير کفد استرين دهولو بلنجا نقفه يڅ ليه
رفد 100 رڅگيت سبولن .

کانق ۲ يڅ حلال

شورغ کانق ۲ يڅ حلال بوللمه ممبوات فرمنتان کفد محکمه قاضي سماء دغن سند يرين اتو منروسي واکيل
باگي مان يڅ دشرطکن دالم اوندغ ۲ ، فرنه کاءتس بفاث يڅ سبنا اتولان ۲ اورغ مڅيکوت حکوم شرع ، کناله
مڅوغن کران ممباير برثابيت دغن فربلنجان نقفه يڅ ترحق کفد اڅ مڅيکوت حکوم شرع .
سبارغ اورغ يڅ تيدق ترداي کران عذور اتو فپاکيت درفد منچاري نقفه باگي د يرين سند يري بوللمه اي
بوات فرمنتان کفد محکمه قاضي باگي مندافتکن فرنه کاءتس مان ۲ اورغ يڅ ترکنا مڅيکوت حکوم شرع منڅوغن
قمن دغن ممباير دري ساتو ماس کساتو ماس کلک اف ۲ جمله واغ کران نفقه يڅ ترحق کفد يڅ برفاتوتن دغن ش
وا ، تيدقله سياف فون يڅ برحق کفد فرنه ايت منريما ورفنشين ، اتو فربلنجان سارا هيدوف يڅ دبرکفدا
يکوت سباگمان شرط يڅ ترکندوغ دالم اوندغ ۲ فنشين نگري بروني يڅ تربيتکن فد تاهون 1954 .
جگ اورغ ترسبوت منجوفکن اي تيدق ممفو ، مگ هندقله منجادي جوافن يڅ سچوکوف باگي فرمنتان ايت

کانق ۲ يڅ حرام

جگ سبارغ اورغ لالي اتو اڅگن فد مليهارا انقش يڅ حرام ايت تيدق ممفو مليهارا د يرين دغن سند يري ،
بوللمه محکمه قاضي ستله دافت دصحن دغن سچوکوفن مرنه اورغ ايت ممباير فربلنجان سارا هيدوف
۲ بولن مڅيکوت فرنه دري محکمه دغن شرط :

بهوا جگ تننوتن يڅ د فربوات ايت اياله داءتس بفاث يڅ تيدق برنيکاح ، مگ هندقله د فربوات دالم محکمه
م يڅ برکواسن مرنه مکن ممبوات فرمنتان فربلنجان سارا هيدوف فد تيف ۲ بولن يڅ ساءمفاث دغن مڅيکوت
گيمان محکمه ايت ليهت برفاتوتن ، تيدق ليه درفد ليم فوله رڅگيت .

BANTUAN PELAJARAN DARI SHELL COMPANY UNTUK ANAK2 BRUNEI

Pihak Shell Company telah bermurah hati dapat memberi dua puloh dermasiswa satahun bagi murid2 yang sudah lulus ujian Sarawak Junior, untuk membolehkan mereka belajar sahingga masok ujian Senior Cambridge (jumlah perbelanja'an satahun: sahingga \$10,000).

Dua dermasiswa satahun menurut di-Loughborough College, di-U.K. atau sekolah teknikal saperti-nya di-tempat lain, untuk belajar memperoleh sijil2 dalam mechanical atau civil engineering atau lain2 cabang latehan teknik (jumlah perbelanja'an satahun: sahingga \$11,200).

Dermasiswa bagi university akan di-berikan pada tahun2 terkemud apabila chalon2 yang berkelayakan di-dapati.

Ruangan So'al Jawab:

JAWAPAN KELUARAN PELITA BRUNEI BILANGAN 24 MUKA 7

1. Puteri itu di-dzahirkan di-Istana Darul-Hana Brunei dan nama ayah Sir Omar Ali Saifuddin, Kabawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.
2. Tiap2 £ 1 wang British, nilain wang kita di-Brunei ia-lah \$8.57
3. Pekan Brunei, ia-lah nama Ibu Kota Negeri ini.
4. (a) Luas-nya: Negeri Brunei = 2,226 batu persegi; Sarawak = 47,000 batu persegi; dan Borneo Utara = 29,388 batu persegi. (b) Jumlah Penduduk2: Negeri Brunei = kira2 70,000 orang; Negeri Sarawak = kira2 581,000 orang; dan Borneo Utara = kira2 388,000 orang.
5. Ahli Sejarah Bangsa Italy yang mashor itu yang telah melawat Negeri Brunei pada zaman Sultan Bulkiah ia-lah PIGAFETTA.
6. Tentera2 Jepun mulai mendarat di-Brunei pada masa berlaku Peperan Asia Raya ia-lah pada 16 December, 1941, iaitu di-Kuala Belait. (Tentera2 Pihak Bersekutu mulai mendarat di-Brunei selepas tamat Peperangan Asia Raya ia-lah pada 10 J u n e, 1945, iaitu di-Muara).

SO'AL2AN YANG BAHARU

1. Bila-kah tarikh-nya dan di-mana-kah tempat-nya Kabawah Duli Yang Mulia Maulana Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin di-puterakan?
2. Bila-kah D.Y.M.M. Sultan Brunei di-tabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ?
3. Berapa-kah bilangan-nya putera-puteri D.Y.M.M. Sultan dan D.Y.M.M. Raja Isteri Negeri Brunei ?
(a) Apa-kah nama-nya putera-puteri Baginda2 ke-semua-nya itu ?
4. Berapa-kah jumlah-nya ahli2 Majlis Mashuarat Negeri ?
(a) Siapa-kah Ahli2 Majlis Mashuarat itu ? (b) Siapa-kah Pengurusnya ?
5. Siapa-kah British Resident, Brunei yang pertama sekali ?
(a) Siapa-kah nama-nya yang pertama kali menjadi Penolong British Resident Negeri ini ?
6. Siapa-kah dia Setia Usaha Jajahan Ta'alok British yang telah melawat Negeri Brunei bersama2 isteri-nya pada tahun 1955 ?

(JAWAPAN2-NYA AKAN DI-SIARKAN DALAM PELITA BRUNEI KELUARAN AKAN DATANG)